

ARAHAN: JAWAB SEMUA SOALAN

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang telah disediakan.

• <u>menjejaskan</u>	• <u>magavau</u>	• <u>kasih sayang</u>	• <u>kejujuran</u>
• <u>atlet sukan</u>	• <u>hadiah</u>	• <u>keamanan</u>	
• <u>maruah</u>	• <u>baik</u>	• <u>jasmani</u>	

1. Agama memainkan peranan yang penting dalam pembangunan manusia serta
mendatangkan _____ untuk kita semua.
2. Masyarakat Kadazan akan mengadakan perayaan pesta Kaamatan setiap tahun. Selain itu,
mereka juga mengadakan upacara _____
3. Potensi diri ialah bakat, kebolehan dan kekuatan yang melibatkan empat aspek utama iaitu
intelekt, _____, emosi dan rohani.
4. Amy suka bersukan dan melakukan aktiviti lasak. Kerjaya pilihan Amy ialah
_____.
5. Memberikan _____ dan kad ucapan ialah salah satu cara menyayangi anggota
keluarga.
6. Nilai yang perlu diamalkan oleh setiap anggota keluarga untuk mewujudkan keluarga
bahagian ialah nilai _____.
7. Sahabat yang negatif akan memberikan kesan yang tidak baik terhadap diri. Salah satu
kesan memilih sahabat negatif ialah _____ nama baik diri dan keluarga.
8. Hubungan dengan orang lain akan menjadi lebih mesra apabila kita bertelingkah laku
_____.
9. Edward telah mengembalikan duit lebihan yang dipulangkan oleh juruwang kepada
juruwang itu semula. Nilai yang diamalkan oleh Edward ialah nilai _____.
10. Saya sentiasa menjaga _____ diri dan keluarga dengan mentaati ibu bapa
saya dan belajar bersungguh-sungguh untuk menjadi insan yang berakhlak mulia.